

**PENGARUH LITERASI KELUARGA TERHADAP
PENERAPAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM
KALANGAN IBU BAPA KANAK-KANAK
PRASEKOLAH DI RUMAH**

ROSZAINIZA BINTI ROSLAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**PENGARUH LITERASI KELUARGA TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN
MEMBACA DALAM KALANGAN IBU BAPA KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI
RUMAH**

ROSZAINIZA BINTI ROSLAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 - 12 - 2022
.....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, ROSZAINIZA BINTI ROSLAN, M20171000447, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH LITERASI KELUARGA TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN IBU BAPA KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI RUMAH.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. ZAINIAH @ ZANIAH BINTI MOHAMED ISA (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH LITERASI KELUARGA TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN IBU BAPA KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI RUMAH.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12.02.2022

Tarikh


ZAINIAH MOHAMED ISA
PENYELIA
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
38700 Tanjung Malim, Perak

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH LITERASI KELUARGA TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN
MEMBACA DALAM KALANGAN IBU BAPA KANAK-KANAK PRASEKOLAH
DI RUMAH.

No. Matrik / Matric's No.: M 20171000447

Saya / I : ROSZAINIZA BINTI ROSLAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


ZAINIAH MOHAMED ISA
PENYARAH
Jabatan Pendidikan Awam Kanak-kanak
Forum Pendidikan dan Pembangunan Adik
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35100 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 06.03.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah SWT Pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga serta para sekalian sahabat baginda. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada penyelia saya Dr. Zainiah binti Mohamed @ Isa, atas segala tunjuk ajar, nasihat, dorongan, bantuan serta keprihatinan beliau yang tidak pernah berbelah bagi dalam membantu dan membimbing saya semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang telah beliau hulurkan telah banyak membantu saya sepanjang pengajian dan penyiapan tesis ini. Sesungguhnya saya amat menghargai kesabaran Dr. Zainiah yang tidak jemu-jemu memberikan kekuatan selain sentiasa bersedia untuk berkongsi ilmu, maklumat serta kepakaran beliau sepanjang menyelia saya. In Sha Allah, segala tunjuk ajar dan pengorbanan yang telah beliau curahkan sepanjang menjadi penyelia tesis, tidak akan saya lupakan. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya rakamkan di sini buat pihak sekolah, guru-guru serta ibu bapa yang terlibat dalam kajian tinjauan yang telah saya jalankan di atas talian tatkala negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ekoran penularan COVID-19. Tanpa kerjasama dan keprihatinan tuan/puan, kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan. Terima kasih diucapkan sekali lagi. Tidak dilupakan juga kepada Roslan bin Hussain (ayah), Zainab binti Khalid (emak), Allahyarham Khalid Uda bin Mat Deris (atuk), Norazizah Khalid (ibu saudara), adik beradik serta rakan seperjuangan yang senantiasa mendoakan serta memberikan sokongan moral dan kata-kata semangat kepada diri ini. Berkat doa kalian telah mendorong saya berusaha untuk menghabiskan pengajian di peringkat ini. Akhir kalam, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya tatkala berdepan dengan cabaran untuk menyiapkan kajian ini.



ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti aspek persekitaran literasi keluarga (penyediaan bahan dan ruang pembelajaran, sikap, interaksi dan komunikasi serta penggunaan masa bersama anak prasekolah ketika di rumah) dan tahap pendidikan ibu bapa terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah ketika di rumah. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dipilih untuk menjawab tujuh persoalan kajian dan lima hipotesis. Instrumen borang Soal Selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian digunakan untuk mengukur aspek persekitaran literasi keluarga dan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Seramai 349 orang ibu bapa kanak-kanak prasekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai responden menggunakan teknik *Persampelan Rawak Berstrata*. Analisis *Kolerasi Pearson r* menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara aspek persekitaran literasi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Analisis *Regrasi* mendapati bahawa lima faktor peramal dalam kajian ini adalah signifikan dari nilai 0 ($F_5, 343 = 40.76, p < 0.05$) yang selanjutnya menjelaskan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas tersebut menyumbang kepada penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan masa ibu bapa yang tinggi ketika di rumah dijangka dapat mempertingkatkan lagi usaha penglibatan ibu bapa dalam aktiviti penerapan kemahiran membaca bersama anak prasekolah mereka di rumah. Kajian yang komprehensif perlu dilaksanakan ke atas kanak-kanak prasekolah di seluruh Malaysia bagi melihat kesan persekitaran literasi keluarga terhadap aktiviti penerapan kemahiran membaca yang dilaksanakan oleh ibu bapa ketika di rumah.



THE INFLUENCE OF FAMILY LITERACY ON THE APPLICATION OF READING SKILLS AMONG PRESCHOOL PARENTS AT HOME

ABSTRACT

The objective of this study is to examine aspects of the family literacy environment (preparation of learning materials and space, attitude, interaction and communication as well as the use of time with preschool children at home) and level of parent's education on the application of reading skills among preschool parents at home. A quantitative research design was selected to answer seven research questions and five hypotheses. The Questionnaire form instrument which is divided into three parts is used to measure aspects of the family literacy environment and the application of reading skills among parents of preschool children at home. A total of 349 preschool parents around the Federal Territory of Kuala Lumpur were selected as respondents using the Stratified Random Sampling technique. Pearson r correlation analysis shows that there is a significant relationship between aspects of the family literacy environment and the level of parental education on the application of reading skills among parents of preschool children at home. Regression analysis found that five predictor factors in this study were significant from the value of 0 ($F_{5, 343} = 40.76, p < 0.05$) which further explained that all the independent variables contributed to the application of reading skills among parents of preschool children at home. The implications of the study show that the high use of parent's time at home is expected to further enhance parent's involvement in the activities of practicing reading skills with their preschool children at home. A comprehensive study needs to be carried out on preschool children throughout Malaysia to see the effect of the family's literacy environment on the activities of applying reading skills carried out by parents at home.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENGHANTARAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Hipotesis Kajian	10

1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Definisi Operasi	13
1.9.1	Persekitaran Literasi Keluarga	14
1.9.2	Penerapan Kemahiran Membaca	14
1.9.3	Ibu Bapa	15
1.9.4	Kanak-kanak Prasekolah	15
1.10	Batasan Kajian	16
1.11	Kepentingan Kajian	16
1.12	Kesimpulan	18

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Persekitaran Literasi Keluarga	20
2.3	Teori-teori Berkaitan Dengan Persekitaran Literasi Keluarga	24
2.3.1	Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978)	25
2.3.2	Teori Pemunculan Literasi	26
2.3.3	Teori Sistem Keluarga	28
2.4	Kajian-kajian Berkaitan	29
2.4.1	Sikap Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Anak-Anak Di Rumah	29
2.4.2	Penyediaan Persekitaran Pembelajaran Di Rumah	31
2.4.3	Masa dan Hubungan Komunikasi Ibu Bapa dan Anak-Anak Di Rumah	32
2.4.4	Ibu Bapa Sebagai Rakan Kongsi Pembelajaran	33

2.4.5	Ibu Bapa dan Penerapan Kemahiran Membaca	35
2.5	Kesimpulan	37
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	41
3.4	Instrumen Kajian	42
3.4.1	Bahagian A: Soal Selidik Ciri-Ciri Demografi.	43
3.4.2	Bahagian B: Soal Selidik Persekitaran Literasi Keluarga	43
3.4.3	Bahagian C: Senarai Semak Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	47
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	48
3.5.1	Kesahan Instrumen Kajian	49
3.5.2	Kajian Rintis	54
3.5.3	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	55
3.6	Prosedur Pemerolehan Dapatan Data Kajian	58
3.7	Prosedur Analisis Data	59
3.7.1	Analisis Statistik Deskriptif	61
3.7.2	Analisis Statistik Inferensi	62
3.8	Kesimpulan	63

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	65
4.2	Keputusan Analisis Deskriptif Maklumat Demografi	66
4.2.1	Jantina Responden	66
4.2.2	Umur Responden	67
4.2.3	Tahap Pendidikan Responden	67
4.2.4	Status Pekerjaan Responden	68
4.2.5	Status Pekerjaan Pasangan Responden	69
4.2.6	Bilangan Anak	70
4.2.7	Pendapatan Bulanan Responden	70
4.3	Analisis Deskriptif Berdasarkan Persoalan Kajian	71
4.3.1	Tahap Literasi Keluarga Berdasarkan Kepada Elemen Penyediaan Bahan dan Ruang Pembelajaran.	72
4.3.2	Tahap Literasi Keluarga Berdasarkan Kepada Elemen Sikap Ibu Bapa Terhadap Penerapan Kemahiran Membaca Anak Prasekolah Di Rumah	77
4.3.3	Tahap Literasi Keluarga Berdasarkan Kepada Elemen Hubungan Interaksi Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah	84
4.3.4	Tahap Literasi Keluarga Berdasarkan Kepada Elemen Penggunaan Masa Bersama Di Antara Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah	90

4.3.5 Tahap Aktiviti Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	96
4.4 Analisis Statistik Inferensi	102
4.4.1 Hubungan Di Antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Dengan Penerapan Kemahiran Membaca Di Rumah	103
4.4.2 Hubungan Di Antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Dengan Persekitaran Literasi Keluarga	104
4.4.3 Hubungan Di Antara Persekitaran Literasi Keluarga Secara Keseluruhan Dengan Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	110
4.4.4 Faktor Peramal Bagi Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	111
4.4.5 Perbezaan Di Antara Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dengan Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	115
4.5 Kesimpulan	116

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	117
5.2 Perbincangan dan Penemuan Kajian	117
5.2.1 Rumusan Bahagian A: Demografi Responden	121
5.2.2 Rumusan Bahagian B(i): Penyediaan Ruang dan Bahan Pembelajaran Di Rumah	122

5.2.3	Rumusan Bahagian B(ii): Sikap Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Membaca Anak Prasekolah	124
5.2.4	Rumusan Bahagian B(iii): Hubungan Interaksi dan Komunikasi Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah	126
5.2.5	Rumusan Bahagian B(iv): Masa Bersama Antara Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah	128
5.2.6	Rumusan Bahagian C: Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah.	129
5.3	Cadangan	130
5.3.1	Cadangan Kepada Kementerian	131
5.3.2	Cadangan Kepada Guru Prasekolah	131
5.3.3	Cadangan Kepada Ibu Bapa/ Penjaga Anak Prasekolah	133
5.4	Kajian Lanjutan	134
5.5	Kesimpulan	136
	RUJUKAN	138
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Sampel Yang Dipilih Berdasarkan Kepada Daerah i Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	42
3.2	Aspek dan Perwakilan Item Dalam Soal Selidik	44
3.3	Interpretasi Tahap dalam Skala Likert	46
3.4	Interpretasi Skor Min Skala Likert Empat Mata	47
3.5	Interpretasi Kekerapan Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah.	48
3.6	Pernyataan Bagi Soalan No. 15 hingga No.20 Dalam Borang Soal Selidik	48
3.7	Jadual Hasil Semakan Pakar dan Tindakan Yang Diambil Oleh Penyelidik.	51
3.8	Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	57
3.9	Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	57
3.10	Jenis Pengujian Statistik Bagi Menjawab Persoalan Kajian.	60
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	66
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	67
4.3	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	68
4.4	Taburan Responden Mengikut Status Pekerjaan	69
4.5	Taburan Bagi Status Pekerjaan Pasangan Responden	69
4.6	Taburan Bilangan Anak Responden	70
4.7	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan	70
4.8	Jadual Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item-Item Elemen Penyediaan Bahan Dan Ruang Pembelajaran Di Rumah.	72
4.9	Tahap Penyediaan Bahan Dan Ruang Pembelajaran Di Rumah	77

4.10	Jadual Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item-Item Elemen Sikap Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Membaca Anak Prasekolah Di Rumah.	78
4.11	Tahap Sikap Ibu Bapa Terhadap Kemahiran Membaca Di Rumah	83
4.12	Jadual Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item-Item Elemen Hubungan Interaksi Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah.	83
4.13	Tahap Hubungan Interaksi Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah.	90
4.14	Jadual Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item-Item Elemen Penggunaan Masa Bersama Di Antara Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Di Rumah.	90
4.15	Tahap Penggunaan Masa Di Antara Ibu Bapa Dengan Anak Prasekolah Terhadap Kemahiran Membaca Anak Prasekolah Di Rumah.	95
4.16	Jadual Purata Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item-Item Tahap Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah	96
4.17	Tahap Aktiviti Penerapan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah Di Rumah.	102
4.18	Analisis kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak prasekolah di rumah.	104
4.19	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dengan penyediaan ruang dan bahan pembelajaran di rumah.	105
4.20	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan dengan sikap ibu bapa kanak-kanak prasekolah terhadap pembelajaran anak prasekolah.	106
4.21	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan dengan hubungan interaksi dan komunikasi ibu bapa kanak-kanak prasekolah dalam membentuk persekitaran literasi keluarga.	107
4.22	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan dengan penggunaan masa ibu bapa bersama anak prasekolah di rumah dalam membentuk persekitaran literasi keluarga.	108
4.23	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan persekitaran literasi keluarga secara keseluruhannya.	109
4.24	Analisis Kolerasi Pearson (r) di antara persekitaran literasi keluarga dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.	110

4.25	Jadual <i>Variables Entered/Removed</i> ^a	112
4.26	Jadual <i>Model Summary</i> ^b	112
4.27	Jadual Analisis Regresi	113
4.28	<i>Jadual Coefficients</i> ^a	114
4.29	Jadual Analisis ANOVA	115

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
3.1	Skala Persetujuan Terhadap Pernyataan Dalam Borang Soal Selidik	51

SENARAI SINGKATAN

IPS	Institut Pengajian Siswazah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
ISADIB	Interaksi Sosial Anak dengan Ibu Bapa
KADIB	Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PACT	<i>Parent and Child Together Time</i>
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSPDR	Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah
SES	<i>Social Economic Status</i>
SIBTKA	Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak
SPSS	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Matlamat pencapaian celik huruf bukan hanya sekadar bergantung kepada wujudnya program literasi yang berkualiti tetap namun ianya adalah berkaitan dengan penciptaan ruang dan peluang untuk memperbaiki serta mengekalkan sesuatu kemahiran baru yang diperolehi oleh seseorang kanak-kanak. Keadaan ini didapati kurang berlaku dalam kalangan komuniti masyarakat miskin atau golongan yang kurang bernasib baik, yang mana peluang-peluang tersebut hanya boleh didapati dalam konteks masyarakat tempatan. Malahan potensi mereka dalam usaha menyokong dan menguatkan pembelajaran celik huruf adalah sukar untuk diakui dan seringkali dieksploitasi. Oleh demikian, adalah amat penting diwujudkan suatu ruang yang berupaya mencipta persekitaran celik huruf dan dinamik menerusi pemupukan budaya membaca sejak dari usia awal seseorang kanak-kanak.

Seperti kata pepatah ‘melentur buluh biarlah daripada rebungnya’ dan ‘kanak-kanak ibarat kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya’ merupakan ungkapan yang



tidak asing dalam kalangan masyarakat Malaysia yang jelas menggambarkan bahawa pentingnya pendedahan awal dalam mendidik seseorang insan sejak dari kecil lagi. Oleh demikian, keluarga dilihat sebagai indikator utama yang berupaya membentuk kecemerlangan akademik mahupun sahsiah seseorang kanak-kanak. Hal ini adalah kerana, keluarga merupakan lingkungan pertama dan terdekat dalam proses penyampaian dan penebaran ilmu pengetahuan sebelum mereka melangkah masuk ke alam persekolahan dan persekitaran masyarakat yang sebenarnya. Semuanya adalah bertitik tolak kepada sistem keluarga itu sendiri, di mana pembangunan sumber manusia yang merangkumi aspek penyediaan pemindahan bahasa, budaya, pemikiran, nilai dan sikap intergenerasi dalam kehidupan anak-anak mereka (Vicky Zygouris et.al., 2001).

Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran bukan hanya sekadar boleh berlaku di kawasan sekolah semata-mata, namun ianya boleh berlaku di mana sahaja termasuklah di kawasan persekitaran rumah mahupun di persekitaran komuniti masyarakat tanpa mengambil kira waktu. Pernyataan ini secara tidak langsungnya, jelas menggambarkan kepada semua bahawa, golongan ibu bapa berupaya membantu anak-anak mereka untuk mencapai kecemerlangan dan potensi diri dengan terlibat sama dalam aktiviti pembelajaran di rumah (Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti Dan Sektor Swasta: Suatu Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem Pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai transformasi dan evolusi. Jika dahulunya sistem pendidikan adalah lebih terarah kepada proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Namun sejak berlakunya penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Malaysia pada 18 Mac 2020, secara tidak langsungnya sistem pendidikan turut mengalami perubahan yang mendadak. Bahkan tatkala pelaksanaan tempoh PKP, tidak

dapat dinafikan bahawa sesi persekolahan telah terjejas teruk, golongan ibu bapa merupakan indikator utama yang perlu membiasakan diri mereka dengan norma baharu yang sedang berlaku dalam sistem pendidikan. Malahan golongan ibu bapa perlu memainkan peranan yang proaktif untuk bersama-sama mengajarkan anak mereka tatkala di rumah.

Kajian-kajian terdahulu berhubung dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran sama ada di rumah mahupun di sekolah jelas memperlihatkan bahawa ianya memberikan pengaruh atau impak positif ke atas prestasi akademik seseorang kanak-kanak (Sandeep Kumar Jaiswa, 2017; Chen, 2008). Bagi mengelakkan berlakunya keciciran dan ketinggalan dalam pembelajaran terutamanya dalam aspek pembentukan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, ibu bapa dilihat sebagai insan penting yang bukan hanya memainkan peranan mereka dalam menyediakan sokongan material semata-mata malahan mereka turut perlu menyediakan sokongan dalam bentuk emosi dan motivasi kepada anak-anak mereka tatkala anak-anak tersebut melaksanakan sesi pembelajaran di rumah (Masa Durisic et. al., 2017)

Penglibatan ibu bapa bersama-sama anak mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah turut mendapat perhatian dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Situasi ini dapat dibuktikan menerusi pewujudan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang diperkenalkan oleh pihak KPM pada tahun 2013. Menerusi pelan ini, kerajaan Malaysia menyasarkan penyertaan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, komuniti masyarakat serta murid di seluruh negara seperti mana yang terkandung di dalam anjakan strategik ke-9 bagi tujuan mempercepat proses transformasi dalam dunia pendidikan (Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2017). Anjakan strategik ke-9 ini adalah selaras dan sejajar dengan peningkatan akademik ibu bapa serta memperlihatkan bahawa tanggungjawab mendidik anak-anak tidak harus diletakkan di bahu golongan pendidik semata-mata. Tetapi ianya harus melibatkan penyertaan ibu bapa dan komuniti setempat termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta serta

organisasi bukan kerajaan (NGO) (Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan dan Fathiyah Mohd. Fakhruddin, 2018).

KPM turut memperkenalkan Sarana Ibu Bapa sebagai sebahagian daripada inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di dalam mahupun di luar waktu sekolah demi kecemerlangan masa depan negara pada masa akan datang. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di rumah adalah amat wajar memandangkan seseorang kanak-kanak adalah lebih banyak menghabiskan masa mereka di rumah berbanding di sekolah. Justeru, dalam konteks literasi keluarga penglibatan ibu bapa yang dibentuk pada peringkat awal merupakan elemen yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian kanak-kanak agar mereka berupaya melalui proses tumbesaran yang seimbang, positif serta menyeluruh.

Berdasarkan kepada latar belakang kajian inilah, penyelidik berhasrat untuk menjalankan sebuah kajian tinjauan yang bertujuan meninjau pengaruh persekitaran literasi keluarga yang berkemungkinan mempunyai perkaitan dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah, dengan harapan agar hasil kajian ini dapat membuka mata golongan ibu bapa untuk terlibat sama dalam aktiviti yang bersifat pembelajaran ketika di rumah.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan literasi keluarga yang digambarkan menerusi penglibatan ibu bapa dalam menerapkan kemahiran membaca bersama-sama anak mereka di rumah masih berada pada suatu situasi yang boleh diklasifikasikan ianya bukanlah suatu amalan rutin atau budaya dalam menjalani kehidupan seharian. Walaupun petikan akhbar sejak akhir-akhir ini menggambarkan bahawa berlakunya peningkatan amalan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia tatkala Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun situasi tersebut



hanyalah diukur berdasarkan kepada penjualan buku atas talian (Mutalib Uthman, 2020). Situasi ini mempamerkan bahawa amalan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia masih berada pada tahap yang sederhana dan ianya tidak jauh beza dengan dapatan kajian-kajian terdahulu. Situasi ini juga boleh dikaitkan dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam menerapkan kemahiran membaca terhadap anak-anak prasekolah ketika di rumah. Tambahan pula, menurut Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong (2020) yang menyatakan bahawa faktor budaya dan sokongan masyarakat memainkan peranan penting dalam mengubah situasi ini. Penyelidik menjangkakan bahawa asas kepada perubahan penerapan amalan dan budaya membaca adalah bermula dari institusi keluarga terlebih dahulu.

Kajian-kajian terdahulu turut menyatakan bahawa faktor sosioekonomi seperti pendidikan ibu bapa turut mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di rumah. Menurut Low Kai Lin dan Lilia Halim (2017), ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mempunyai kecenderongan untuk mempamerkan sikap dan tingkah laku yang positif dalam aktiviti yang berkait rapat dengan pendidikan seperti membaca serta meluangkan masa yang lebih dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Frank Niklas dan rakan-rakan (2016) yang menyatakan bahawa tahap sosioekonomi yang tinggi mempengaruhi kekerapan pendedahan membaca buku dalam kalangan ibu bapa kepada anak-anak mereka sehingga kanak-kanak tersebut mendapat kecekapan dari segi kognitif dan linguistik.

Di samping itu, statistik yang diperolehi daripada *NOP World Culture Score Index* menunjukkan bahawa negara India merupakan antara negara yang paling banyak menghabiskan masa dengan melakukan aktiviti membaca melebihi 10 jam seminggu, diikuti Thailand dan China yang rata-rata rakyatnya melakukan aktiviti membaca selama 8 hingga 9 jam seminggu. Walau bagaimanapun, situasi yang menyedihkan berlaku di Malaysia kerana negara ini tidak tersenarai dalam *NOP World Culture Score Index*



kerana budaya membaca di Malaysia dalam kalangan rakyatnya adalah tidak melebihi 3 jam seminggu. Perkara ini mendapat perhatian penyelidik untuk menjalankan kajian penyelidikan bagi mengetahui tahap penglibatan ibu bapa menerusi amalan literasi keluarga dalam usaha menerapkan kemahiran membaca terhadap anak-anak prasekolah mereka ketika di rumah. Hal ini adalah kerana, menurut Abdul Rasid (2011), kemahiran membaca adalah merupakan asas kepada usaha pembentukan diri seseorang individu bagi mendapatkan segala ilmu pengetahuan. Malahan motto-motto dan slogan-slogan seperti ‘membaca jambatan ilmu’, ‘membaca pengasah minda’, ‘membaca membuka jendela dunia’, sudah cukup memberikan gambaran bahawa amalan membaca adalah amat penting diterapkan dalam menjalani kehidupan seharian serta berupaya membina sebuah kehidupan yang mantap kelak (Baharom, 2012). Sekali gus pembentukan amalan membaca ini, seharusnya dibentuk sejak awal usia lagi.

Dalam usaha membentuk budaya dan amalan membaca di peringkat awal seseorang kanak-kanak, ibu bapa bukan hanya sekadar insan yang hanya perlu menyediakan kemudahan seperti tempat dan bahan pembelajaran semata-mata. Hubungan komunikasi, interaksi serta sokongan sosial yang positif dalam kalangan ibu bapa berupaya merangsang pencapaian akademik yang cemerlang dalam kalangan anak-anak di peringkat persekolahan (Norhaida et. al., 2015). Persekitaran pembelajaran yang kondusif merupakan faktor penting dalam perkembangan akademik dan sosial seseorang kanak-kanak (Rose, Lehl, Ebert, & Weinert, 2018; Tamis-LeMonda, Luo, McFadden, Bandel, & Vallotton, 2019). Hal ini kerana dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Zainiah dan Nur Asiah (2012) mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan di antara penyediaan tempat dengan pencapaian literasi awal kanak-kanak dalam membaca. Sehubungan itu di pihak penyelidik, timbul persoalan adakah penyediaan ruang dan bahan pembelajaran yang disediakan di rumah digunakan sebaik mungkin oleh ibu bapa dalam usaha menerapkan kemahiran membaca terhadap anak-anak mereka di rumah pada masa kini?.

Program Sarana Ibu Bapa yang dibangunkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2024 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) adalah melibatkan empat komponen utama yang menekankan kepada penglibatan ibu bapa di rumah. Empat komponen tersebut adalah melibatkan aspek Penyediaan Suasana Pembelajaran Di Rumah (PSPDR), Interaksi Sosial Anak Dengan Ibu Bapa (ISADIB), Komunikasi Anak Dengan Ibu Bapa (KADIB) serta Sokongan Ibu Bapa Terhadap Kecemerlangan Anak (SIBTKA). Namun masih terdapat kurangnya kajian berhubung dengannya. Sehubungan itu, penyelidik ingin meninjau sejauhmanakah penglibatan ibu bapa dalam menerapkan kemahiran membaca terhadap anak prasekolah mereka ketika di rumah berdasarkan kepada tiga daripada empat elemen tersebut yang mana penyelidik mengklasifikasikan elemen tersebut sebagai ‘Literasi Keluarga’.

Kesibukan ibu bapa mengejar kerjaya dan mencari nafkah dalam kehidupan seharian akan menyebabkan kurangnya berlaku hubungan interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak mereka di rumah. Hal ini disebabkan oleh kerana, mereka jarang meluangkan masa bersama anak di rumah. Menurut Hui dan Mason (2005) menyatakan bahawa, kesedaran seseorang ibu bapa untuk terlibat sama dalam aktiviti pembelajaran anak-anak mereka di rumah berlaku dalam tiga bentuk situasi iaitu situasi pertama: ibu bapa perlu mewujudkan hubungan, situasi kedua: ibu bapa perlu mempengaruhi pembelajaran anak-anak mereka dan situasi ketiga: ibu bapa perlu menerapkan dan mendedahkan kepada anak mereka tentang kepentingan pendidikan sebagai kunci kejayaan pada masa akan datang. Menurut Azizi (2010), ibu bapa perlulah menjadi ‘*role model*’ yang berupaya menerapkan unsur motivasi diri terlebih dahulu dalam diri mereka sendiri sebelum menerapkan elemen tersebut dalam diri anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa mempunyai nilai motivasi diri yang tinggi, adalah tidak mustahil dorongan, sokongan motivasi serta kesediaan dan kesanggupan mereka untuk menyediakan keperluan material yang lainnya dapat diberikan kepada anak-anak mereka dalam usaha menyokong aktiviti pembelajaran di rumah.

Berdasarkan kepada permasalahan yang telah dinyatakan, penyelidik mendapati bahawa masih terdapat kelompondan dalam kajian penyelidikan terdahulu berhubung dengan sejauh manakah pengaruh literasi keluarga mempengaruhi golongan ibu bapa untuk menerapkan kemahiran membaca anak-anak prasekolah mereka tatkala di rumah.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau persekitaran literasi keluarga yang merangkumi aspek penyediaan bahan dan ruang pembelajaran, sikap ibu bapa terhadap kemahiran literasi, interaksi ibu bapa dan anak berusia enam (6) tahun di rumah serta penggunaan masa bersama di antara ibu bapa dan anak di rumah terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Fokus kajian ini adalah untuk melihat hubungan persekitaran literasi keluarga dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Di samping itu, kajian ini juga akan memperlihatkan tahap serta pengaruh di antara persekitaran literasi keluarga dan taraf sosio ekonomi terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Mengenal pasti tahap persekitaran literasi keluarga (penyediaan ruang dan bahan pembelajaran, sikap ibu bapa, hubungan interaksi ibu bapa dengan anak berusia 6 tahun mereka di rumah, penggunaan masa bersama di antara ibu bapa dengan anak berusia 6 tahun mereka di rumah) dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2. Mengenal pasti tahap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.
3. Mengenal pasti hubungan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak dengan penerapan kemahiran membaca di rumah.
4. Mengenal pasti hubungan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak dengan literasi keluarga di rumah.
5. Mengenal pasti hubungan di antara literasi keluarga dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.
6. Mengenal pasti faktor-faktor peramal bagi penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.
7. Mengenal pasti perbezaan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan penerapan kemahiran membaca oleh ibu bapa kepada anak-anak di rumah.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, penyelidik telah membina beberapa persoalan kajian dalam usaha untuk mencapai matlamat seperti mana yang telah dinyatakan dalam tujuan kajian. Berikut adalah merupakan persoalan kajian ini.

1. Apakah tahap literasi keluarga (persekitaran pembelajaran, sikap ibu bapa, hubungan interaksi ibu bapa kanak-kanak prasekolah) dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?.
2. Apakah tahap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah?.
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dengan penerapan kemahiran membaca di rumah?.
4. Adakah terdapat hubungan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak dengan literasi keluarga di rumah?.
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara literasi keluarga dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah?.
6. Apakah faktor-faktor peramal bagi penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah?.
7. Adakah terdapat perbezaan di antara tahap pendidikan ibu bapa dengan penerapan kemahiran membaca oleh ibu bapa kepada anak-anak di rumah?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif serta persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian penyelidikan ini, secara keseluruhannya terdapat lima (5) hipotesis yang dibentuk bagi

memenuhi objektif dan mendapatkan jawapan kepada setiap persoalan kajian. Berikut dinyatakan hipotesis kajian dalam bentuk nol serta diuji kebenarannya pada paras $p=0.05$.

Hipotesis Kajian Bagi Persoalan Kajian 3

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dengan penerapan kemahiran membaca di rumah.

Hipotesis Kajian Bagi Persoalan Kajian 4

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah dengan persekitaran literasi keluarga (aspek persekitaran bahan pembelajaran literasi, sikap ibu bapa, serta hubungan interaksi ibu bapa terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah tahun di rumah).

Hipotesis Kajian Bagi Persoalan Kajian 5

H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara persekitaran literasi keluarga secara keseluruhan dengan penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.

Hipotesis Kajian Bagi Persoalan Kajian 6

H₀₅: Tidak terdapat pengaruh antara persekitaran literasi keluarga dari aspek persekitaran bahan pembelajaran literasi, sikap ibu bapa, hubungan interaksi ibu bapa serta tahap pendidikan ibu bapa terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.

Hipotesis Kajian Bagi Persoalan Kajian 7


H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap perbezaan tahap penerapan kemahiran membaca dengan tahap pendidikan ibu bapa kanak-kanak prasekolah.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Sebuah kerangka konseptual bagi kajian ini dibangunkan sebagai panduan kepada penyelidik dalam usaha memahami kajian yang akan dijalankan serta mengenal pasti persoalan-persoalan kajian yang timbul bagi mencapai objektif kajian ini. Kerangka konseptual kajian adalah merujuk kepada pernyataan yang memberikan makna bagi suatu konsep atau istilah tertentu (Suppli Effendy Rahim, 2007). Istilah tersebut adalah merupakan istilah yang seringkali digunakan dalam kajian kualitatif secara khususnya bagi merujuk kepada istilah teori (kerangka teori) dengan mensyaratkan beberapa kondisi tertentu. Walaupun kajian ini adalah merupakan sebuah kajian kuantitatif, namun pendekatan kualitatif digunakan oleh penyelidik bagi membantu penyelidik mengkaji tentang penerapan kemahiran membaca oleh ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah.

Kerangka konseptual dalam kajian ini dapat digambarkan seperti di Rajah 1. Rajah tersebut menggambarkan bahawa persekitaran literasi keluarga yang dapat dijelaskan oleh empat (4) aspek pemboleh ubah tidak bersandar iaitu (1) penyediaan bahan dan ruang pembelajaran (2) Sikap ibu bapa (3) interaksi ibu bapa dengan anak serta (4) masa bersama di antara ibu bapa dan anak di rumah (5) Faktor Sosial Ekonomi (SES) yang diukur berdasarkan kepada tahap pendidikan ibu bapa. Pemboleh ubah bersandar pula adalah penerapan kemahiran literasi awal kanak-kanak di rumah oleh ibu bapa yang merujuk kepada aktiviti membaca.

Kerangka konseptual yang telah diilustrasikan juga menunjukkan terdapat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji meliputi aspek bahan pembelajaran dan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi di rumah terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak prasekolah di rumah.

Pemboleh Ubah Tidak Bersandar**Pemboleh Ubah Bersandar**

Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Operasi

Sebelum sesebuah kajian penyelidikan dijalankan, kefahaman berhubung beberapa istilah atau perkataan yang terdapat dalam tajuk kajian adalah amat mustahak. Hal ini adalah bertujuan untuk mengelakkan kajian yang akan dijalankan tidak terpesong atau menyimpang daripada matlamat asal kajian. Oleh demikian, beberapa istilah atau

perkataan yang terdapat dalam tajuk kajian ini akan diterangkan dari segi definisi operasinya. Berikut adalah merupakan penerangan definisi operasi terhadap istilah atau perkataan yang digunakan dalam tajuk kajian ini.

1.9.1 Persekitaran Literasi Keluarga

Menurut Cheng (2003) literasi keluarga adalah merujuk kepada cara bagaimana ahli keluarga memulakan serta menggunakan literasi tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, literasi keluarga juga turut, merujuk kepada amalan literasi yang berlaku dalam sesebuah keluarga (Nutbrown, Hannon & Morgan, 2005). Secara umumnya literasi keluarga adalah merujuk kepada proses pembelajaran yang berlaku antara kanak-kanak dengan melibatkan orang dewasa. Namun demikian dalam konteks kajian ini, persekitaran literasi keluarga adalah merujuk kepada salah satu elemen yang terdapat dalam Teori Literasi Keluarga iaitu penglibatan ibu bapa dan anak secara bersama (PACT – *Parent and Child Together Time*) yang meliputi sikap dan sokongan ibu bapa terhadap aktiviti pembelajaran di rumah, penyediaan bahan pembelajaran serta hubungan interaksi ibu bapa bersama anak-anak mereka ketika berada di rumah.

1.9.2 Penerapan Kemahiran Membaca

Penerapan merupakan proses menyampaikan maklumat dalam suatu kelompok atau seseorang dengan pelbagai strategi dan teknik. Menurut Smith (1978), kemahiran membaca adalah merujuk kepada suatu proses dinamik yang kompleks yang mana ianya meliputi proses mengamati, mengingat, mendengar serta membezakan bunyi-bunyi yang tepat dan jelas, menyebut huruf atau simbol yang mewakili perkataan serta memindahkan huruf atau simbol yang dibaca kepada sistem kognitif untuk diterjemahkan dan difahamkan. Namun dalam konteks kajian ini, penerapan kemahiran membaca adalah merujuk kepada kekerapan berlakunya amalan atau aktiviti membaca di rumah oleh ibu bapa kepada anak mereka yang diukur mengikut bilangan hari yang akan digambarkan

berdasarkan kepada penggunaan skala likert 4 mata. Penerapan kemahiran membaca adalah merangkumi aspek yang berkaitan dengan strategi atau aktiviti yang dilakukan oleh ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah dalam menerapkan kemahiran membaca kepada anak mereka berpanduan kepada elemen seperti pengenalan kepada kemahiran membaca awal.

1.9.3 Ibu Bapa

Menurut Smrekar dan Cohen-Vogel (2001), ibu atau bapa didefinisikan sebagai seorang dewasa yang bertanggungjawab serta mengambil berat ke atas kewangan, emosi dan sokongan kepada anak-anak yang berada di bawah tanggungan mereka yang masih berada di bangku persekolahan. Dalam konteks kajian penyelidikan ini pula, ibu bapa didefinisikan sebagai individu dewasa yang mempunyai dan menghantar anak mereka yang berusia 6 tahun ke tadika atau prasekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tanpa mengambil kira ianya merupakan tadika atau prasekolah milik kerajaan mahupun swasta.

1.9.4 Kanak-Kanak Prasekolah

Menurut Akta Kanak-kanak 2011 (Akta 611), kanak-kanak didefinisikan sebagai seorang yang berusia 18 tahun dan ke bawah. Dalam konteks kajian penyelidikan ini, kanak-kanak adalah merujuk kepada kanak-kanak yang berusia 6 tahun dan mendapat pendidikan di prasekolah atau tadika di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tanpa mengambil kira ianya merupakan tadika atau prasekolah milik kerajaan mahupun swasta.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada persekitaran literasi keluarga yang dinilai daripada aspek penyediaan persekitaran pembelajaran di rumah, interaksi di antara ibu bapa dengan anak mereka di rumah, penggunaan masa bersama ketika di rumah serta sikap ibu bapa terhadap pembelajaran literasi awal anak mereka yang mempengaruhi tahap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kepada anak prasekolah mereka ketika di rumah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang terbatas kepada prasekolah-prasekolah milik kerajaan mahupun swasta yang terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ianya hanya melibatkan golongan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke prasekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Kajian tinjauan yang akan dijalankan ini juga adalah terhad kepada prasekolah-prasekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bagi mengatasi kekangan masa, populasi serta tenaga penyelidik.

1.11 Kepentingan Kajian

Secara umumnya dapatan kajian ini akan membantu dalam usaha mencapai Wawasan 2020. Dalam dunia globalisasi kini, masyarakat membaca adalah merupakan mercu tanda sebuah negara yang progresif dan merupakan antara aset yang sangat bernilai harganya dalam usaha mengekalkan kestabilan ekonomi, politik serta perubahan sosial. Berikut adalah merupakan kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada dapatan hasil kajian ini.

- a. Dapatan kajian akan memberikan gambaran kepada golongan ibu bapa tentang pentingnya amalan penyediaan dan pembentukan persekitaran literasi keluarga terhadap tahap kesediaan membaca dalam kalangan kanak-kanak.



- b. Dapatan kajian ini amat berguna kepada golongan ibu bapa dalam mengenal pasti faktor-faktor persekitaran literasi keluarga yang boleh mempengaruhi tahap literasi kanak-kanak. Melalui maklumat ini, golongan ibu bapa akan dapat bersama-sama membantu perkembangan literasi kanak-kanak semasa berada di rumah.
- c. Pihak pentadbir sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dapat bekerjasama untuk memberikan kesedaran dan panduan kepada golongan ibu bapa yang lain tentang pengaruh persekitaran literasi keluarga dalam usaha mengarahkan kepada pemupukan minat dan tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak.
- d. Kanak-kanak mendapat pendedahan dan pengalaman awal menerusi persekitaran literasi keluarga yang menganjurkan ke arah budaya membaca sejak dari awal lagi sebelum mereka melangkah masuk ke alam persekolahan yang sebenar sama ada di prasekolah mahupun di sekolah rendah.
- e. Dapat memberikan kesedaran kepada golongan kanak-kanak tentang pentingnya amalan budaya membaca sejak usia awal.

Kesimpulannya, kajian ini mempunyai kepentingan dalam konteks pendidikan negara, seiring dengan kepesatan dalam dunia pendidikan. Bahkan kajian ini juga, merupakan salah satu daripada usaha yang dapat memberikan gambaran awal kepada kita semua berhubung dengan tahap persekitaran literasi keluarga dengan tahap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. selain itu juga, seperti mana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025, semua lapisan masyarakat seharusnya berganding bahu dan memainkan peranan mereka untuk bersama-sama melibatkan diri dalam aplikasi ilmu yang seterusnya berupaya mencorakkan masa depan negara.



1.12 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 1 telah menjelaskan perkara yang berkaitan dengan latar belakang persekitaran literasi di rumah serta kemahiran literasi awal kanak-kanak, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasi bagi kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persekitaran literasi keluarga terhadap penerapan kemahiran membaca dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah di rumah. Kajian tinjauan ini akan dijalankan ke atas seramai 346 orang ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke prasekolah di empat buah zon atau daerah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.